

PEMERKASAAN EKONOMI DIGITAL, TRANSFORMASI PERTANIAN PINTAR



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN

INFO@MAFI

SELAMAT MENYAMBUT HARI KEBANGSAAN KE-64 TAHUN & HARI MALAYSIA 2021





PROGRAM BERSAMA ANGGOTA PENTADBIRAN MAFI YANG BAHARU

30 Ogos 2021

YB Menteri, YB Timbalan Menteri I serta YB Timbalan Menteri II Pertanian dan Industri Makanan telah melapor diri bertugas dan mengetik kad perakam waktu dengan disaksikan oleh Pengurusan Tertinggi dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.



PINDAAN AKTA FAMA BAGI MEMPERLUAS SKOP TERHADAP PEMASARAN KOMODITI TERNAKAN

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee telah meninjau pelaksanaan kerja-kerja membina Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Sabah di Pejabat FAMA Negeri Sabah pada 7 Ogos 2021. Turut hadir, Pengarah FAMA Negeri Sabah Haji Ribin bin Haji Wahid.

Pusat Pemprosesan Buah-Buahan Sabah yang dijangka siap pada bulan Ogos 2022 ini adalah sebahagian daripada Pelan Perancangan Pembangunan Kompleks Pemasaran FAMA @ KKIP (2021 – 2025) yang melibatkan peruntukan keseluruhan berjumlah RM5 juta. Kompleks ini diunjur akan mampu mengendalikan sehingga 21,000 tan metrik buah-buahan dengan nilai RM123 juta apabila siap sepenuhnya kelak.

Selain pembinaan pusat pemprosesan ini, FAMA juga naik taraf Pusat Operasi Kota Kinabalu, pembinaan bilik-bilik sejuk, menambah stor simpanan operasi, dan membangunkan depo penyimpanan dan pengedaran yang merupakan sebahagian daripada Pelan Perancangan Pembangunan Kompleks Pemasaran FAMA @ KKIP.

Dalam lawatan tersebut, YB Datuk Seri Dr Ronald Kiandee turut memaklumkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) akan membuat pindaan kepada Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [Akta 141] untuk memberikan kuasa kepada Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk mengedar dan memasarkan komoditi ternakan dalam pasaran negara.

YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee berkata pindaan yang dicadang untuk dibawa ke sidang Parlimen terdekat ini akan memperluaskan skop FAMA terhadap pemasaran komoditi dan produk ternakan menerusi rantaian pemasarannya yang luas.

Dalam pada itu, Dr Ronald juga telah menyerahkan bantuan MAFI Prihatin FAMA hari ini kepada 250 orang usahawan pemasar FAMA di Pejabat FAMA Negeri Sabah, Kota Kinabalu.



LAWATAN KERJA YB TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN I KE PULAU PINANG BERSAMA UNIT AGROPRENEUR MUDA

Program Agropreneur Muda (PAM) dilancarkan khas untuk golongan muda yang berumur diantara 18 hingga 40 tahun. Program ini bertujuan bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda di dalam sektor pertanian dan agromakanan yang merangkumi kesemua bidang di sepanjang rantaian nilai seperti tanaman, ternakan, perikanan dan industri asas tani.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, YB Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah bersama pegawai-pegawai kanan Kementerian dan juga Jabatan dan Agensi dibawah MAFI telah turun padang ke Seberang Perai, Pulau Pinang pada 14 Ogos 2021 untuk memantau pelaksanaan projek dibawah Program Agropreneur Muda di samping berjumpa secara bersemuka dan saling berbincang bersama dengan para usahawan agropreneur muda dalam usaha Geran Agropreneur Muda (GAM) yang diberikan kepada penerima adalah berbentuk barangan yang mampu meningkatkan pengeluaran hasil dan menambah pendapatan agropreneur muda. Peruntukan pada tahun 2021 adalah sebanyak RM15 juta manakala sasaran usahawan agropreneur muda bagi tahun ini adalah seramai 750 orang.

NASIB WARGA TANI TERUS DIBELA

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Dato' Haslina binti Abdul Hamid telah turun padang bersama pasukan MAFI pada 28 Ogos 2021 bagi melihat sendiri kesan bencana alam yang berlaku dalam daerah Yan dan Kuala Muda, bagi memastikan nasib warga tani di kawasan pertanian tersebut akan terus mendapat pembelaan dari pihak kementerian.

Selain tinjauan ke kawasan bencana, YBhg. Dato' Haslina turut menyampaikan 100 Bakul Makanan MAFI Prihatin yang merupakan inisiatif Kementerian dalam membantu kepayahan dan keperluan golongan petani, penternak dan nelayan yang terkesan akibat bencana ini. YBhg. Dato' KSU juga telah memaklumkan sebanyak RM1.1 juta telah diperuntukkan bagi membaik pulih 34 hektar kawasan sawah padi di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir, Yan, yang musnah dalam kejadian banjir lumpur

akibat fenomena Kepala Air dari Puncak Gunung Jerai pada 18 Ogos lalu. Peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM75 juta yang diumumkan YAB Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika meninjau lokasi bencana tersebut pada Selasa lalu.

MAFI dengan kerjasama jabatan dan agensi khususnya MADA, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Lembaga Pertubuhan Peladang juga sedang menggerakkan segala jentera dalam usaha untuk memulihkan dan memperbaiki kerosakan yang berlaku termasuk sistem pengairan yang terjejas.

Turut hadir dalam program ini ialah Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), YB Ahmad Tarmizi Sulaiman, Ketua Pengarah MARDI, Dato' Dr. Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani, Pengurus Besar MADA, Tuan Haji Kamarudin Bin Dahuli, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian dan Jabatan, Pengarah-Pengarah Negeri Jabatan dan Agensi di bawah MAFI.



MAFI KOMITED GALAS TANGGUNGJAWAB DALAM MENERUSKAN SISTEM PENYAMPAIAN KERAJAAN

YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah turun padang pada 21 Ogos 2021 untuk memantau pelaksanaan pembangunan Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi seluas 2 ekar yang dibangunkan di Pejabat Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Johor dengan kerjasama Koperasi FAMA Johor Berhad (KPFJB). Ianya adalah salah satu projek daripada 20 Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi di seluruh Malaysia.

Pusat Rujukan Pemasaran Hasil Pertanian Berteknologi ini berfungsi bagi mewujudkan kerjasama strategik di antara usahawan tani dan agensi di bawah MAFI di samping mengoptimalkan hasil pendapatan melalui teknik "vertical farming" dan penggunaan tanah di pejabat-pejabat kerajaan. Terdahulu, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid turut mengadakan walkabout ke salah satu outlet PST di Pasar Tani Kekal Datin Halimah bagi melihat sendiri pelaksanaan operasi di negeri Johor yang masih lagi berada dalam Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1.

MAFI melalui FAMA telah meneruskan inisiatif dengan mewujudkan Pasar Segar Terkawal (PST) apabila bermulanya pelaksanaan Total Lockdown 3.0 pada 1 Jun 2020 yang lalu dalam usaha bagi mengimbangi penawaran dan permintaan hasil pertanian. Sehingga 19 Ogos 2021, sebanyak 54 buah outlet PST diwujudkan di seluruh negara. Untuk rekod, pelaksanaan PST secara keseluruhan mencatatkan nilai jualan sebanyak RM95.81 juta dengan 2,983 bilangan petani mendapat manfaat di mana FAMA membantu dari segi pengaturan pasaran di peringkat ladang. Manakala 6 PST di Johor menyumbang sebanyak RM23.6 juta dari nilai jualan keseluruhan PST FAMA.

Dalam lawatan sama, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid juga turut menyerahkan sumbangan MAFI Prihatin kepada 11 orang wakil daripada golongan asnaf, penghuni Rumah Kebajikan dan Pusat Jagaan Warga Emas sekitar daerah Johor Bahru serta usahawan bimbingan FAMA Johor yang memerlukan dengan kerjasama FAMA dan sumbangan usahawan-usahawan pemasar FAMA negeri Johor di Pejabat FAMA Negeri Johor. Turut hadir YBhg. Datuk Zainal Abidin bin Yang Razalli, Ketua Pengarah FAMA.





KHIDMAT PENYAMPAIAN KERAJAAN DITERUSKAN JAMIN SEKTOR PERTANIAN DAN AGROMAKANAN LANCAR

Pada 26 Ogos 2021, YBhg. Dato' Haslina binti Abdul Hamid telah menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin melalui Lembaga Perindustrian Nenas Malaysia (LPNM) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika KEMAS) Seksyen 6 Kota Damansara. Turut hadir, Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), YBrs. En Mohd Khairuzamri bin M.Salleh.



Sumbangan bakul makanan MAFI Prihatin yang terdiri daripada bahan makanan asas dan buah nenas diserahkan kepada YBhg. Lt. Jen Dato' Hasagaya bin Abdullah, Naib Canselor UPNM, Encik Che Samsuzuki bin Che Noh, Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat WP Kuala Lumpur serta wakil-wakil komuniti Seksyen 6 Kota Damansara dan Balai Polis Kota Damansara untuk disampaikan kepada golongan sasaran khususnya barisan petugas hadapan dan golongan B40 serta miskin bandar yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Bermula Jun hingga Ogos tahun ini, seramai 77,289 penerima telah mendapat manfaat dan bantuan MAFI Prihatin, dilaksanakan di 441 lokasi seluruh negara. Bantuan MAFI Prihatin ini turut mendapat sokongan dan penglibatan daripada pihak swasta yang turut menyumbang bagi menjayakan program ini.

TINJAUAN YBHG. DATUK BADRUL HISHAM MOHD KE PROJEK RINTIS PROGRAM VAKSINASI BARISAN HADAPAN INDUSTRI AGROMAKANAN (AIVAC) DAN KAWASAN FENOMENA KEPALA AIR DI KEDAH

Timbalan Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd, telah mengetuai pasukan Program Outreach Vaksinasi dianjurkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menerusi agensi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) turun padang pada 21 Ogos 2021 bagi melihat sendiri pelaksanaan projek rintis Program Vaksinasi Barisan Hadapan Industri Agromakanan (AiVAC) melibatkan seramai 1,000 orang peladang di Kawasan MADA.

Pelaksanaan AiVAC adalah sebagai langkah pencegahan awal dalam mengurangkan risiko keberjangkitan dalam kalangan pekerja industri agromakanan bagi menjamin kelangsungan rantai bekalan makanan negara dan seterusnya merencanakan semula sektor agromakanan yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan.

Secara keseluruhannya Program AiVAC akan melibatkan dua kategori iaitu Kumpulan Sasar Utama dan Kumpulan Sasar Pemain Industri Terpilih. Kumpulan Sasar Utama program AiVAC adalah seramai 420,000 orang yang terdiri daripada pesawah, petani, penternak, nelayan, dan pengusaha industri agromakanan kecil-kecilan warganegara Malaysia. Manakala Kumpulan Sasar Pemain Industri Terpilih akan melibatkan 100,000 orang pekerja di syarikat dan persatuan dalam sektor agromakanan yang berdaftar dengan MAFI.

Pelaksanaan Program AiVAC akan turut melibatkan seluruh Jabatan dan Agensi di bawah MAFI sebagai tanda sokongan kepada kempen PICK dan Pelan Pemulihan Negara MAFI menetapkan sasaran dalam pelaksanaan program AiVAC empoh tiga bulan untuk menyelesaikan selaras dengan usaha Kerajaan untuk mencapai imuniti kelompok dalam kalangan rakyat Malaysia dalam masa terdekat.

Terdahulu, YBhg. Datuk Badrul Hisham bin Mohd, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah meninjau situasi di daerah Yan, Kedah yang ditimpa bencana banjir berikutan fenomena kepala air dan hujan lebat baru-baru ini.





MESYUARAT KALI KE-42 “SPECIAL SENIOR OFFICIALS FOR ASEAN MINISTERS OF AGRICULTURE AND FORESTRY” DAN “ SPECIAL SENIOR OFFICIALS MEETING OF THE 20TH MEETING OF THE ASEAN MINISTERS ON AGRICULTURE AND FORESTRY PLUS THREE (SPECIAL SOM-20TH AMAF +3)”



YBrs. Puan Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan telah menghadiri Mesyuarat kali ke 42 *Special Senior Officials for ASEAN Ministers of Agriculture and Forestry* secara maya pada 23 Ogos 2021.

YBrs. Puan Azah Hanim binti Ahmad, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) turut menghadiri *Special Senior Officials Meeting of the 20th Meeting of the ASEAN Ministers on Agriculture and Forestry Plus Three (Special SOM-20th AMAF +3)* pada 24 Ogos 2021 yang telah dipengerusikan oleh Kemboja.

